

Haruan makan anak, isteri tidak boleh berdiam diri

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamulia.com.my


KES haruan makan anak sedang hangat diperkatakan ketika ini dengan banyak kes berlaku melibatkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak perempuan yang dilakukan oleh bapa mereka sendiri.

Itu antara yang dilaporkan, bagaimana pula dengan yang sebaliknya?

Percaya atau tidak, ada sahaja kes yang berlaku dibiarkan begitu sahaja kerana si ibu sendiri yang membiarkan si anak diratah oleh bapa durjana dek kerana istilah cinta itu buta.

Perkara tersebut diakui Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Yusni Mohamad Yusop yang tidak menolak kemungkinan sikap segelintir wanita yang terlalu sayangkan suami sebagai punca gejala berkenaan terus berleluasa.

Katanya, ada kes yang tidak dilaporkan kepada pihak



Mohon bantuan keluarga terdekat yang boleh dipercayai jika perlu. Dalam keadaan ini, Ibu atau isteri harus kuatkan jiwa dan bertindak pantas demi keselamatan, maruah dan emosi anak."

berkuasa kerana terdapat ibu dan juga isteri yang terlalu menyayangi suami sehingga menutup mata dengan perbuatan jahat suami.

"Ada kes isteri yang ingin mempertahankan rumah tangga dan maruah keluarga, lalu menutup mata terhadap apa yang telah berlaku

"Namun tidak dinafikan, ada juga kes isteri yang tidak

menyedari keadaan ini dek kerana suami yang begitu cekap dan bijak menutup pekungnya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sedangkan, katanya, penyelesaian sebetulnya apabila berlaku kejadian berkenaan dalam rumahtangga adalah isteri perlu membawa anak ke hospital untuk pemeriksaan lanjut bagi memastikan keadaan kesihatan dan semasa anak tersebut.

Seterusnya, laporan polis juga perlu dibuat khususnya jika anak masih di bawah umur memandangkan ada peruntukan undang-undang Akta Kanak-Kanak untuk melindungi.

"Isteri juga perlu bercakap dan minta penjelasan suami, luahkan perasaan dan nyatakan kesan kepada anak sebagai tanggungjawab seorang isteri. Beritahu apa tindakan anda seterusnya yang terbaik untuk anak dan keluarga.

"Mohon bantuan keluarga terdekat yang boleh dipercayai jika perlu. Dalam keadaan ini, ibu atau isteri harus kuatkan jiwa dan bertindak pantas

demi keselamatan, maruah dan emosi anak," ulasnya lagi.

PERKAHWINAN, KELUARGA HANCUR

"Jika tidak, katanya, sistem keluarga akan terus terganggu akibat peranan seorang bapa yang tidak menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan baik.

Lebih menyedihkan, kemesraan antara ahli keluarga juga akan terlerai, hubungan semakin renggang, malah tidak mustahil akan berlaku permusuhan dan dendam akibat kepercayaan yang telah hancur akibat perbuatan keji berkenaan.

Keturunannya juga bakal tercemar khususnya jika mangsa mengandungkan benih daripada bapa



kandungnya sendiri.

Selain itu, kesan emosi juga dapat dilihat daripada anak yang menjadi mangsa.

"Perasaan dendam, marah dan sedih wujud dalam diri, mengakibatkan timbul kesan jangka panjang yang lain seperti isu kesihatan mental (depresi), isu penyakit sosial (mangsa menjadi liar) dan sebagainya.

"Bagi ibu atau isteri pula, mereka akan hilang kepercayaan kepada suami sebagai ketua keluarga. Selain dari perasaan marah ada kemungkinan isteri akan mengambil tindakan untuk mengakhiri perkahwinan sekiranya tiada lagi rasa sayang dan ketenangan berkeluarga," jelasnya.

IBU sedia merujuk anak untuk mendapat bantuan profesional sekiranya keadaan anak semakin serius.



ELAKKAN bercerita hal berkenaan dengan orang lain yang tidak signifikan, termasuk adik-adik mangsa.

